



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sheik mahu bantu Pertapis

Berita Harian, 23 August 1997, Page 12

Article also available on Microfilm Reel NL21101

Printer-Friendly Page

Sheik mahu bantu Pertapis

Bekas johan dunia tolong bimbing kanak-kanak di rumah kebajikan

Oleh | NOOR A. RAHMAN

BEKAS johan silat dunia sebanyak dua kali, Sheik Alauddin Yacoob, akan menyumbangkan tenaganya secara sukarela untuk membantu dan membimbing lebih 50 kanak-kanak dan remaja yang memerlukan.

Beliau, yang juga penerima Anugerah Belia Singapura (SYA) tahun ini, akan 'turun gelanggang' setiap malam Ahad di Rumah Kanak-Kanak Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis) di Kovan Road untuk mengendalikan latihan fizikal.

Selain itu, beliau akan turut mendapatkan kerjasama kumpulan silat Kuningan untuk mengendalikan latihan silat.

Ketika dihubungi semalam, Pentadbir Rumah Kebajikan Pertapis, Encik Mohamed Jufri Haron, berkata pihaknya berbesar hati atas kesudian pesilat negara itu walaupun beliau sibuk dalam persiapan untuk Sukan SEA di Jakarta.

Beliau berkata buat masa ini, terdapat sekitar 50 penghuni rumah tumpangan itu dan penghuni Pusat Pengembangan Remaja Pertapis (PDAC) yang berdekatan bakal menyertai latihan setiap malam Ahad itu.

"Penghuni kedua rumah ini cergas-cergas belaka dan kami rasa adalah lebih baik tenaga mereka dapat disalurkan kepada kegiatan yang sihat seperti latihan fizikal dan juga

silat.

"Selain meningkatkan kecergasan mereka, kita juga berharap dapat menanamkan sikap disiplin di kalangan mereka," ujar beliau.

Encik Mohamed Jufri berkata kelas itu akan dirasmikan malam ini sempena majlis sambutan Hari Kebangsaan di rumah tumpangan tersebut.

Beliau juga ingin menjemput golongan muda yang tinggal berdekatan seperti di Hougang dan Serangoon untuk menyertai kegiatan itu.


Ketika dihubungi, Sheik Alauddin berkata: "Saya sudi memberikan khidmat sukarela ini kerana ingin membantu golongan kanak-kanak dan remaja itu.

"Saya harap saya dapat menjadi contoh baik kepada mereka di samping membimbing mereka untuk menjauhi gejala-gejala yang kurang sihat."

Menurutnya, syarikat Dynaforce Marketing Pte Ltd juga telah sudi menaja pakaian peserta.

"Saya harap saya dapat menjadi contoh baik kepada mereka di samping membimbing mereka untuk menjauhi gejala-gejala yang kurang sihat."

— Sheik Alauddin.



SHEIK ALAUDDIN: Bekas johan silat dunia ini mengendalikan latihan fizikal buat kanak-kanak di rumah kebajikan Pertapis setiap malam Ahad.